



**PANDUAN LAPOR DIRI
PELAJAR SENIOR
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
SESI II 2022/2023**

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 PENGENALAN

Visi Politeknik Malaysia:

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

Misi Politeknik Malaysia:

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL (KOLEJ KEDIAMAN)

Semua pelajar senior (lelaki dan perempuan) **PERLU MEMOHON** tempat untuk menduduki Kolej Kediaman Pelajar melalui smp (ikamsis). Namun bagi pelajar **PEREMPUAN** bagi **SEMESTER 2 dan 3 DIWAJIBKAN** untuk menduduki di asrama Hi-10. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar yang ditawarkan Kolej Kediaman untuk menjaga kemudahan yang diberikan dengan baik dan mengikut semua peraturan dan rupadiri yang ditetapkan. Sila rujuk lampiran FAQ bagi kewajipan menduduki Hi-10 bagi pelajar perempuan.

1.3 BANTUAN KEWANGAN

Pelajar Senior masih dibenarkan untuk memohon sebarang pembiayaan pendidikan atau bantuan kewangan yang diiklankan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Pelajar yang ada memohon bantuan kewangan secara persendirian perlu memaklumkan JHEP untuk tujuan rekod.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar PIS yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa dan separuh masa di peringkat seperti berikut:-

- i. Diploma
- ii. Sarjana Muda

Setiap permohonan PTPTN mestilah dilampirkan bersama **SATU (1) SALINAN** dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik Ibrahim Sultan
- ii.

Permohonan PTPTN dibuat melalui laman web <http://www.ptptn.gov.my>

SESI	KELOMPOK 1	KELOMPOK 2
Sesi II 2022/2023 (Diploma dan Sarjana Muda)	01 Januari - 31 Januari 2023	01 Februari - 28 Februari 2023

Pelajar layak memohon PTPTN sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:-

- i. Pemohon adalah warganegara Malaysia
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- iii. Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- iv. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
- v. Tiada penaja lain; dan
- vi. Mempunyai akaun SSPN-i sebelum membuat permohonan

Persediaan Sebelum Membuat Permohonan PTPTN

- i. Membuka akaun simpanan SSPN dengan simpanan minimum RM20.00
- ii. Membeli No.Pin untuk permohonan on-line PTPTN di Bank Simpanan Nasional (BSN)
- iii. Membuka akaun simpanan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

2.0 PROSES PENDAFTARAN

2.1 PROSES PENDAFTARAN

MULA

Muat turun panduan lapor diri di portal www.pis.edu.my bermula tarikh **16 Januari 2023**

Membuat semakan keputusan peperiksaan Sesi I 2022/2023 di spmp.pis.edu.my (i-Exam) bermula **25 Januari 2023 (Rabu)**

p/s: Pastikan pelajar tidak mempunyai sebarang saman tertunggak atau bayaran yuran/takaful yang belum dibayar.

Membuat bayaran yuran pengajian mulai :

25 Januari 2023 – 11 Februari 2023

Hanya pelajar yang berstatus pengajian samada **KEDUDUKAN BAIK (KB), KEDUDUKAN BERSYARAT (KS)** sahaja yang dibenarkan untuk membuat pembayaran yuran pengajian.
(Rujuk Jadual dan Kaedah Bayaran di m/s 6 – 8)

Lapor diri secara *online*, selepas 3 hari bekerja bayaran dilakukan di laman <http://spmp.pis.edu.my> (i-Help)

* Pelajar yang mempunyai **tajaan yuran**, tidak perlu membayar yuran dahulu. Pelajar perlu hadir ke JHEP untuk mengisi borang penangguhan yuran pada **01 – 09 Februari 2023** untuk memudahkan urusan pendaftaran

Mendaftar matapelajaran di <http://spmp.pis.edu.my> (i-Daftar) dalam tempoh **29 Januari – 16 Februari 2023**. Pastikan pelajar telah membuat lapor diri di i-Help.

Proses pengajaran dan pembelajaran serta kehadiran kuliah akan bermula pada **06 Februari 2023 (Isnin)**

TAMAT

2.2 JADUAL YURAN PENGAJIAN DAN ASRAMA PELAJAR SENIOR SESI II 2022/2023

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	200.00	- JOMPAY (rujuk Lampiran) - Bayaran yuran pengajian dan Kolej Kediaman perlu dilakukan dalam satu resit.
2	Yuran Kolej Kediaman	Pelajar lelaki – RM60.00 (Blok Asrama Lama) Pelajar Perempuan – RM630.00 (Blok Asrama PFI)	- JOMPAY (rujuk Lampiran) - Bayaran yuran pengajian dan Kolej Kediaman perlu dilakukan dalam satu resit.
<p>NOTA PENTING!!</p> <ul style="list-style-type: none"> - Yuran Pelajar Lelaki (menduduki asrama) - RM260.00 - Yuran Pelajar Perempuan (menduduki asrama) – RM830.00 - Yuran Pelajar Lelaki dan Perempuan (tidak menduduki asrama) – RM200.00 			
3	Bayaran Takaful	- Pelajar semester 3 – RM72 (Bayaran takaful untuk 2 tahun) - Pelajar semester 5,7,9 – RM36 (Bayaran takaful untuk 1 tahun) - Pelajar semester 2, 4, 6, 8 – tidak perlu membuat bayaran takaful Nota: - Bayaran perlu dibuat secara pindahan atas talian (transfer online) ke dalam akaun koperasi seperti maklumat berikut: Nama bank: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) No akaun: 01087010031499 Rujukan: No Pendaftaran pelajar	

Nota:

- Yuran boleh dibayar mulai **25 Januari 2023 hingga 11 Februari 2023** menggunakan kaedah pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian.
- Politeknik **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- Setiap resit bayaran yuran **hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.**
- Pelajar boleh membuat pendaftaran secara online **selepas 3 hari bekerja** membuat bayaran.

2.3 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN MENGGUNAKAN JOMPAY


Langkah 1 : Log Masuk ke Perbankan Dalam Talian (*Internet Banking*) atau *Mobile Banking*

Berikut adalah senarai Perbankan Dalam Talian (*Internet Banking*) yang menawarkan JomPAY



Langkah 2 : Pilih menu JomPAY (mengikut paparan *Internet Banking* pilihan pelajar)

Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

	<p>BILLER CODE (PIS) : 204024 Reference 1 : Nombor Kad Pengenalan Pelajar Reference 2 : Nombor Telefon Pelajar</p>
---	--

* **BILLER CODE** bagi setiap politeknik adalah **BERBEZA**. Pelajar yang tersilap memasukkan *biller code* semasa membuat transaksi hendaklah segera memaklumkan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PIS dan **tidak perlu** membuat bayaran semula.




* **NO KAD PENGENALAN PELAJAR** perlu dimasukkan tanpa tanda "-". Contoh cara memasukkan No Kad Pengenalan – 031332161543

Langkah 4 : Masukkan jumlah bayaran yuran pengajian RM200 / RM260 / RM830

Langkah 5 : Semak semua maklumat sebelum mengesahkan (*confirm*) bayaran

Langkah 6: *Unique JomPAY Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan. Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

Beikut adalah contoh penggunaan JomPAY menggunakan beberapa perbankan atas talian pilihan pelajar:

<p>Maybank https://www.maybank2u.com.my/</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pilih "PAY&TRANSFER" 2. Pilih "Pay To JomPAY" 3. Masukkan Biller Code 204024 4. Tekan Enter 5. Masukkan Ref 1: No IC pelajar Ref 2: No tel pelajar Pay Amount: 200 / 260 / 830 6. Tekan "PAY" 7. Selesai & Print Bukti Pembayaran
<p>Bank Islam (BIMB) https://www.bankislam.biz/</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pilih "Payments / Services" 2. Pilih "JomPAY" 3. Pilih "Payment (JomPAY)" 4. Pilih akaun Pembayaran 5. Masukkan Amaun Pembayaran 6. Masukkan Biller Code 204024 7. Masukkan Ref 1: No IC pelajar Ref 2: No tel pelajar 8. Tekan "Validate" 9. Selesai & Print Bukti Pembayaran
<p>CIMB https://www.cimbclicks.com.my/clicks/#/</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pilih "Pay & Transfer" 2. Pilih "JomPAY" 3. Masukkan Biller Code 204024 4. Masukkan Ref 1: No IC pelajar Ref 2: No tel pelajar 5. Pilih Akaun Pembayaran 6. Masukkan Amaun Pembayaran 7. Tekan "Make Payment" 8. Selesai & Print Bukti Pembayaran

3.0 MANUAL PENDAFTARAN ONLINE PELAJAR SENIOR

3.1 PENDAFTARAN ONLINE MENGGUNAKAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP)

- a. Taipkan atau klik URL di bawah pada pelayar web: <http://spmp.pis.edu.my> (Diploma dan Sijil Kemahiran Khas)
- b. Masukkan No Kad Pengenalan dan Katalaluan dan tekan butang Login Pengguna

Selamat Datang :

No.KP :

Katalaluan / No. Pend :

Makluman:


PELAJAR:
Untuk **LOGIN KALI PERTAMA**, sila gunakan Nombor Kad Pengenalan (No.KP) dan Nombor Pendaftaran Pelajar. Anda akan diminta untuk menukar katalaluan.
Bagi login seterusnya, gunakan katalaluan yang telah disetkan.
Sebarang masalah login atau reset semula katalaluan, sila **rujuk kepada Penasihat Akademik (PA)** masing-masing.

PENSYARAH/STAF:
Untuk **LOGIN KALI PERTAMA**, sila gunakan Nombor Kad Pengenalan (No.KP) dan katalaluan yang diberikan Unit Teknologi Maklumat.
Anda akan diminta untuk menukar katalaluan.
Bagi login seterusnya, gunakan katalaluan yang telah disetkan.
Sebarang masalah, sila majukan kepada Administrator di Unit Teknologi Maklumat.

SPMP
Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik
Politeknik Ibrahim Sultan

© Copyright : Politeknik Kota Bharu, Kelantan

c. Klik pada i-Help (Hal Ehwal Pelajar)



d. Klik "Lapordiri Pelajar Senior"

<p>Pendaftaran</p> <ul style="list-style-type: none">• Lapordiri Pelajar Senior• Kemaskini Maklumat Peribadi• Borang-Borang HEP <p>Disiplin</p> <ul style="list-style-type: none">• Permohonan Stiker Kenderaan• Semak Rekod Saman	<p>Biasiswa</p> <ul style="list-style-type: none">• Aduan Kes Biasiswa/Pinjaman• Semak Kes Biasiswa/Pinjaman• Makluman Tawaran Biasiswa/Pinjaman <p>Aduan/Cadangan Pelajar</p> <ul style="list-style-type: none">• Maklumat Aduan/Cadangan <p>Pautan Utama</p> <ul style="list-style-type: none">• Laman Utama PIS
--	---

- e. Klik pada butang “Daftarkan Saya”

Sila Klik Butang Dibawah Untuk Mengesahkan Lapordiri Anda

[Daftarkan Saya](#)

- f. Pelajar telah berjaya mendaftar dan boleh terus mendaftar subjek di i-Daftar mengikut tarikh yang ditetapkan.

Pendaftaran								
Kelas	Semester	HPNM	PNM	KPTN	Status	Sesi	Tarikh Daftar	No Resit
DEE3A	S3	0	0	0	AKTIF	II : 2021/2022	26 Sep 2021, 00:00:00	Daftar Online
DEE2A	S2	3.58	3.39	KB2	AKTIF	I : 2021/2022	26 Sep 2021, 00:00:00	Daftar Online
DEE1A	S1	3.76	3.76	KB1	AKTIF	DIS2020	03 Jan 2021, 00:00:00	Daftar Online

Data di Server Bap									
No Pend	Status	Poli	Tarikh Daftar	Sesi	Semester	PNM	HPNM	Kelas	Catatan
	Aktif	09	26/09/2021	II : 2021/2022	S3	0	0	DEE3A	Daftar Online
	Aktif	09	26/09/2021	I : 2021/2022	S2	0	0	DEE2A	Daftar Online
	Aktif	09	03/01/2021	DIS2020	S1	3.76	3.76	DEE1A	

[Cetak Slip Pengesahan Lapordiri](#)

- g. Sekiranya pelajar menghadapi masalah untuk pendaftaran, sila hubungi Pejabat Hal Ehwal Pelajar di talian 07-261 2060 / 1070 / 1032 atau hubungi kami di e-mel psihep17@gmail.com



SOALAN LAZIM (FAQ)

ARAHAN KEPADA PELAJAR PEREMPUAN SEMESTER 1, 2 DAN 3 UNTUK MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

1. SIAPAKAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK MENDIAMI KOLEJ KEDIAMAN?

Pelajar-pelajar perempuan Semester 1, 2 dan 3 Sesi 2 2022/2023, Politeknik Ibrahim Sultan.

2. APAKAH KELEBIHAN TINGGAL DI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR, PIS?

Antara kelebihan tinggal di Kolej Kediaman Pelajar PIS ialah:

- i. Keselamatan pelajar lebih terjamin.
- ii. Jarak penginapan dekat dengan kelas serta memudahkan pelajar untuk mengulangkaji pelajaran bersama rakan-rakan lain.
- iii. Terdapat kemudahan fasiliti yang lengkap seperti kafeteria, masjid, serta kemudahan riadah dan sukan.

Banyak lagi kelebihan lain yang tidak dapat dinyatakan di sini.

3. KENAPA PELAJAR DIWAJIBKAN UNTUK TINGGAL DALAM KOLEJ KEDIAMAN?

Bangunan kolej kediaman telah disediakan kepada pelajar untuk kemudahan dan keselesaan pelajar sepanjang menjalani pengajian di Politeknik Ibrahim Sultan.

4. BILAKAH ARAHAN INI BERKUATKUASA?

Arahan ini mula berkuatkuasa mulai Sesi 2 2022/2023. Untuk makluman, arahan ini telah berkuatkuasa sejak Sesi Disember 2018 namun ditarik semula semasa pandemik COVID 19 dan dikuatkuasakan semula pada semester ini.

5. SEKIRANYA PELAJAR PEREMPUAN GAGAL UNTUK MEMATUHI ARAHAN YANG DITETAPKAN?

Pelajar yang tidak mematuhi arahan yang ditetapkan perlu mengemukakan rayuan dan merujuk ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Ibrahim Sultan.

6. BAGAIMANA DENGAN BAYARAN YURAN YANG DIKENAKAN?

Pelajar perlu menjelaskan bayaran sepertimana yang ditetapkan sebanyak RM630.00 bagi setiap semester pengajian.

7. BAGAIMANAKAN KAEDAH BAYARAN YANG PERLU DILAKUKAN?

Pembayaran perlu dibuat secara kaedah JOMPAY. Pelajar boleh merujuk laman sesawang berikut www.pis.edu.my untuk maklumat lanjut berkaitan bayaran.

8. YURAN MAHAL, BOLEHKAH SAYA MENANGGUHKAN BAYARAN BUKAN PADA WAKTU YANG DITETAPKAN?

Boleh, pelajar perlu merujuk Hal EHWAL Pelajar untuk mendapatkan kebenaran menanggung bayaran dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

9. SAYA TELAH MEMBUAT BAYARAN PENDAHULUAN RUMAH SEWA, BOLEHKAH SAYA MENUNTUT BAYARAN BALIK DARIPADA PIS SEKIRANYA INGIN TINGGAL DI DALAM KOLEJ KEDIAMAN?

Tidak boleh, namun pelajar boleh berbincang dengan tuan rumah untuk mendapatkan semula wang tersebut sekiranya mendapat persetujuan bersama.

10. SEKIRANYA SAYA BERHASRAT UNTUK TINGGAL DI RUMAH SEWA DISEBABKAN SAYA TELAH MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK BAGI PERSEDIAAN TINGGAL DI LUAR, BOLEHKAH SAYA TIDAK MENERIMA ARAHAN TERSEBUT?

Pelajar dikehendaki mematuhi arahan yang dikeluarkan namun begitu atas pertimbangan pihak HEP boleh membenarkan tinggal di luar dengan cara mengemukakan surat rayuan. Perlu diingatkan isu keselamatan di rumah sewa adalah tanggungjawab sendiri.

11. BOLEHKAH SAYA TINGGAL DI RUMAH SEWA SECARA SEMENTARA KEMUDIAN BERPINDAH MASUK KE KOLEJ KEDIAMAN KERANA TELAH MEMBAYAR WANG PENDAHULUAN?

Boleh dengan makluman kepada Pengurusan Kolej Kediaman pada awal semester. Kegagalan pelajar memaklumkan kepada pihak Pengurusan Kolej Kediaman boleh menyebabkan tempat tersebut ditawarkan kepada pelajar lain.

12. BAGAIMANA PULA DENGAN BAYARAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN SEKIRANYA SAYA TINGGAL DI RUMAH SEWA DAHULU?

Pelajar dikehendaki membuat bayaran penuh berdasarkan kadar yang ditetapkan.

13. SAYA TINGGAL BERSAMA KELUARGA BERHAMPIRAN DENGAN PIS, ADAKAH SAYA DIBENARKAN UNTUK TERUS TINGGAL DI RUMAH KELUARGA?

Pelajar digalakkan tinggal di kolej kediaman untuk memastikan kemudahan pembelajaran, namun sekiranya ingin tinggal bersama keluarga, pelajar perlu mengemukakan rayuan bertulis kepada pihak HEP.

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
11 JANUARI 2023**